



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 23 RABU 7 JUN, 1967.

1387 رابو 28

PERCHUMA

WANG BRUNEI MUNGKIN BOLEH DI-GUNAKAN DI-SINGAPURA DAN MALAYSIA

BANDAR BRUNEI — Lembaga Mata Wang Brunei berharap akan dapat mengemukakan tidak lama lagi satu keputusan mengenai pertukaran penggunaan mata wang baru Brunei dengan mata wang baru Singapura dan Malaysia.

Sa-buah peratoran pertukaran penggunaan mata wang itu berarti orang2 dari negeri ini yang masuk ka-Singapura atau Malaysia boleh menggunakan wang kertas dan shiling Brunei di-kedua2 negeri itu.

Mata wang baru Brunei yang akan di-edarkan pada 12 Jun ini ada-lah sa-rupa nilai-nya dengan mata wang Singapura dan Malaysia ia-itu tiap2 satu ringgit sama nilai-nya dengan dua shilling empat penny wang Sterling.

Pengerusi Lembaga Mata Wang Brunei, Dato Setia John Lee yang telah mengadakan perundingan dengan Lembaga Mata Wang Singapura dan Malaysia, dalam satu kenyataannya semalam berkata, kerajaan Malaysia dan Singapura berseutu mengenai peratoran pertukaran penggunaan mata wang masing2 dan kedua2 buah negeri itu telah bertukar2 surat mengenai pelaksanaan peratoran itu.

Kenyataan itu berkata, langkah yang sa-rupa telah di-buat oleh pihak yang berkuasa mata wang kedua2 negeri itu.

Kesan dari peratoran pertukaran penggunaan mata wang itu ia-lah bank2 di-tiap2 sa-buah negeri akan menerima mata wang yang di-keluarkan oleh pihak yang berkuasa mata wang sa-sabua negeri lain dengan nilai yang sama

tanpa di-kenakan sa-barang potongan.

Pihak2 berkuasa mata wang itu kemudian-nya akan meng-ator pengiriman wang2 kertas dan shiling yang di-edarkan oleh pihak berkuasa lain dan menerima-nya dengan mata wang Sterling atau lain2 mata wang yang di-persetujui terlebih dahulu.



Y. A. B. Dato Seri Paduka Marsal

Anasir2 perkauman: orang2 Iban di-seru menentang-nya

SIBUT, ULU TEMBURONG — Pesuruhjaya Kebajikan, Awang Salleh bin Haji Masri telah menyeru orang2 Iban di-seluruh negeri supaya jangan menyimpan fahaman yang mereka itu terasing dari lain2 puak dan bangsa yang bermastautin di-negeri ini.

Awg. Salleh berkata, orang2 Iban yang bermastautin di-kampung2 pendalaman negeri ini ada-lah juga ra'ayat yang mempunyai tanggung jawab yang sama dengan bangsa2 dan puak2 yang lain bagi mengekalkan keamanan dan menjiwai ranchangan2 kemajuan negara.

Beliau berkata demikian ketika berucap di-majlis2 merayakan hari kebesaran orang2 Iban yang di-adakan oleh orang2 Iban di-rumah2 panjang Amo dan Sibut, Ulu Temburong pada 1 Jun lepas.

Awang Salleh menjelaskan bahawa jangan-lah orang2 Iban di-negeri ini menyangka yang Kerajaan tidak mengindahkan mereka, bahkan kerajaan adalah sentiasa menumpukan perhatian untuk kebajikan mereka seperti mana yang telah di-berikan kepada penduduk2 lain negeri ini.

Kata-nya, ada-lah menjadi dasar kerajaan untuk memberi peluang2 dan kemudahan2 de-



Awang Salleh

ngan tidak mengira bangsa dan ugama.

Beliau menegaskan bahawa seperti penduduk2 yang lain orang2 Iban di-negeri ini juga sudah pun merasakan nikmat2 yang di-berikan kerajaan seperti memberi bayaran2 pen-chen2 tua, pengidap penyakit batok kering, kusta, lumpoh dan bantuan2 kebajikan di-samping tidak mengenakan sa-barang chukai ka-atas mereka.

Sa-terus-nya, Awg. Salleh menyeru mereka supaya meng-asingkan diri dari fahaman berpuak2 dan jangan mudah mem-perchayai anasir2 perkauman

(Lihat muka 8)

Menteri Besar berchuti panjang

BANDAR BRUNEI — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah memperkenankan kepada Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat, Dato Seri Paduka Marsal bin Maun untok berchuti panjang mulai dari 1 Jun, 1967.

Dalam masa perchutian Dato Seri Paduka Marsal, Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim akan menjadi Pemangku Menteri Besar.

Jawatan Setia Usaha Kerajaan pula akan di-sandang oleh Penolong Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Md. Taib bin Awang Besar sa-bagai pemangku.

Satu kenyataan yang di-terbitkan oleh Setia Usaha Kerajaan berkata bahawa perubahan itu ada-lah buat sementara waktu ketika Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan bersemayam di-luar negeri kerana lawatan mengelilingi dunia.

Satu upacara akan di-adakan untok melantek sa-orang Menteri Besar sa-telah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan berangkat balek ka-negeri ini.

Mencheгах penggunaan ayer yang membazir

BANDAR BRUNEI—Jabatan Kerja Raya merancang hendak mengadakan langkah2 mengurangkan sa-boleh2-nya amalan membazirkan ayer dan berharap akan dapat menjalankannya pada akhir tahun ini.

Rancangan tersebut memerlukan perlantikan rombongan2 mengesan pembaziran dan merinyu2 ayer untuk bekerja di-waktu malam dengan bantuan alat2 meter yang boleh mengesan dan menentukan paip2 ayer yang bochor.

Sa-orang juruchapak Jabatan Kerja Raya berkata, baru2 ini penyiasatan ka-atas jumlah ayer yang di-gunakan di-Bandar Brunei menunjukkan bahawa sa-bahagian besar dari ayer telah di-gunakan dengan membazir.

“Amalan membazir ini tidak boleh di-biarkan berlarutan kerana ia-nya memberikan kesan yang burok ka-atas perbekalan ayer dari kolam ayer di-Tasek.”

Kolam ayer itu telah di-bena ketika penggunaan ayer tidak sa-bagitu banyak.

Tetapi sejak itu penggunaan ayer telah semakin meningkat dan kolam tersebut tidak lama lagi tidak akan mampu memenuhi semua keperluan2, sa-kira-nya langkah2 yang sawajar-nya tidak di-ambil guna

mengawal amalan membazir itu.”

Jabatan Kerja Raya menyeru kepada orang ramai supaya jangan membazirkan ayer dan hendaklah memberikan kerjasama dengan Jabatan Ayer dengan melaporkan bochoran2, pechah-nya paip2 ayer yang besar, serta amalan membazirkan ayer yang boleh di-elakkan.

Jika rayuan itu tidak di-endahkan besar kemungkinan bahawa chatuan ayer akan di-adakan kelak.

Pengaduan2 mengenai amalan membazir ayer, terpechah-nya paip2 besar atau kebochoran boleh-lah di-buat kepada kakitangan2 yang bertugas di-setor jabatan ayer dengan melalipon nombor 428.

Kerja2 melekat nombor ka-rumah2 selesai

BANDAR BRUNEI. — Pehak berkuasa Jabatan Penghapus Malaria di-negeri ini mengumuman bahawa mereka telah selesai dari memasang nombor2 ka-atas rumah2 persa-orangan di-Kampung Ayer.

Ketua Rancangan Penghapus Malaria Dr. Yao-Tsing Wu telah menguchapkan terima kasih kepada penduduk2 Kampung Ayer kerana kerjasama mereka dalam masa di-jalankan kerja2 kajian ilmu alam.

Dr. Wu berkata, kira2 2,000 rumah dalam 36 buah kampung telah di-pasang dengan papan2 nombor untuk memudahkan kerja2 kesihatan, kegiatan2 menghapus malaria dan lain2 perkhidmatan di-masa depan.

Sa-buah peta yang mengandungi butir2 telah di-susun semula, menunjukkan tempat2 terletak-nya rumah2, paip2 ayer untuk orang ramai, paip2 besar untuk melawan kebakaran, jalan2 ka-rumah2 tersebut, jalan2 raya, klinik2 dan sekolah2.

Kerja2 luar itu yang telah dimulakan dalam bulan Mach telah di-jalankan oleh kakitangan Rancangan Penghapus Malaria bersama2 dengan pehak berkuasa Kesihatan dan Pejabat Daerah Brunei-Muara.

ORANG2 YANG MENGGARIS KERETA BOLEH DI-HUKUM

BANDAR BRUNEI. — Pehak pulis telah menasehatkan pemandu2 kereta supaya meninggalkan kereta mereka sa-berapa yang boleh di-tempat2 yang mempunyai lampu di-mana penarohan kereta di-benarkan.

Ini berikutan dengan pengaduan2 bahawa kereta2 yang ditinggalkan dengan tidak di-jaga pada waktu malam di-jalan2 raya dan penjur2 bandar yang terpenchil telah di-gariskan.

Sa-orang juruchapak Pulis berkata, orang2 yang merosakkan kereta dengan chara ini ada-lah melakukan satu kesalahan dan boleh di-kenakan denda atau penjara jika di-dapati bersalah oleh mahkamah.

Juruchapak itu menambahkan, tuan2 punya kereta hendaklah melaporkan kereta2 mereka bergaris2 atau di-rosakkan dalam masa penarohan kereta2 itu.

Kursus pertanian di-Batong

BANDAR BRUNEI — Juru2 lateh Jabatan Pertanian sejak hari Sabtu yang lalu telah mengadakan kursus sa-lama sa-minggu mengenai pertanian kepada peladang2 di-kawasan kampung Batong, Ulu sungai Brunei.

Rombongan itu di-ketuai oleh Penolong Pegawai Pertanian, Awg. W. C. Agne dan mengandungi tiga orang pembantu pertanian yang lain-nya sa-bagai juru2 lateh dan pen-sarah2.

Sa-panjang minggu ini, rombongan tersebut akan memberikan pengajaran sa-chara praktikal mengenai beberapa jurusan pertanian seperti menanam padi, dan memelihara ikan, menternak ayam, memelihara tanaman, mencheгах penyakit2 tanaman, dan chara2 menggunakan baja.

Rombongan itu akan juga memberi sharahan2 mengenai perkara2 seperti penyakit2 ternakan, penanaman getah, memelihara kambing dan menanam pisang.

Pada kebiasaan-nya kursus itu akan di-adakan di-balai raya kampung tersebut.

Rombongan itu akan juga membuat shor tentang chara2 serta usaha2 untuk memperbaiki keadaan hidup di-kampung2. Mereka lakukan demikian dengan melawat kawasan tanah peladang2 dan mem-perlihatkan kaedah2 sa-chara praktikal tentang chara2 untuk menjaga tanaman2 itu.

BILEK BARU UNTUK PENGIDAP2 PENYAKIT OTAK

BANDAR BRUNEI — Pemangku Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan Dr. I. G. Singh telah mengumomkan rancangan2 hendak memperbaiki kesihatan otak di-negeri ini.

Rancangan2 itu melibatkan pembinaan sa-buah bilek baru untuk pengidap2 penyakit otak di-samping mendapatkan latehan lanjutan di-sabarang laut bagi sa-orang pembantu rumah sakit dan sa-orang ketua jururawat mengenai penyakit jiwa.

Dr. Singh juga menguruskan bahagian kesihatan otak yang sekarang ini beliau di-bantu oleh sa-orang jururawat lelaki yang berkelayakan yang baru2 ini di-lantek untuk membantu kerja2 merawat orang2 yang mengidap penyakit otak.

Bilek baru itu akan dapat menampung sa-banyak 14 orang sakit, lelaki dan perempuan dan akan di-bena dalam kawasan rumah sakit besar Bandar Brunei dengan perbelanjaan di-taksirkan berharga sa-banyak \$65,000.

Pada masa2 lampau Brunei

menghantar orang2 sakit otak di-negeri ini ka-Kuching dan Singapura untuk mendapatkan rawatan tetapi amalan ini di-berhentikan dalam dalam tahun 1961 apabila bilek penyakit otak yang ada sekarang ini dibuka.

Orang2 yang mengidap penyakit otak amat-lah sedikit bilangan-nya di-negeri ini. Mereka di-berikan rawatan yang menggunakan karan serta obat2 biasa.

TAWARAN PEMBENAAN JALAN2 RAYA DAERAH TEMBURONG

BANDAR BRUNEI — Kerajaan telah mempelawa tawaran2 dari pemborong2 untuk membena sa-panjang kira2 50 batu jalan raya yang di-tutup dengan minyak tar dalam daerah Temburong.

Satu kenyataan tawaran menyatakan, kerja2 pembenaan yang di-jangka berharga kira2 \$20 juta ada-lah merupakan peringkat pertama dari sa-buah rancangan perkembangan jalan raya seluruh negeri.

Ranchanagn perkembangan jalan raya yang telah di-umomkan dalam tahun 1965 menyerukan pembenaan jalan2 raya baru sa-panjang 140 batu di-seluruh negeri ini.

Seluruh rancangan itu di-daksirkan berharga sa-banyak \$46 juta.

GERAKAN MENYUMPIIT ANJING2 YANG TERBIAR

BANDAR BRUNEI. — Pehak berkuasa Majlis Bandaran Bandar Brunei akan memulakan gerakan menghapuskan anjing2 yang terbiar dan yang tidak mempunyai lesen dalam kawasan majlis bandaran mulai hari ini 7 Jun.

Gerakan menghapuskan anjing2 itu akan di-lakukan dengan menggunakan sumpitan dan rombongan2 penyumprit anjing di-jangka penyumbit gerakan ini dalam minggu pertama bulan Julai.

Langkah ini di-ambil untuk mengurangkan bilangan anjing2 yang terbiar dan menghapuskan bahaya

merebak-nya penyakit anjing gila. Baru2 ini pehak pulis telah menimbak anjing2 yang terbiar dan yang tidak mempunyai lesen di-lapangan terbang Berakas.

Ini di-lakukan untuk menentukan bahawa anjing2 yang berkeliaran di-kawasan itu tidak akan mengganggu dan membahayakan kapal2 terbang ketika mendarat dan ketika hendak terbang.

Pengumuman akan di-buat di-udara dari satu masa ka-satu masa mengenai kawasan yang mana penyumprit2 itu akan menjalankan tugas sa-hingga gerakan itu selesai.



Gambar bangunan Balai Polis Labi.

Alat2 kelengkapan bagi Balai Polis Labi

BANDAR BRUNEI — Pasokan Polis Di-Raja Brunei telah menyediakan alat2 kelengkapan dan kakitangan2 untuk mengendalikan balai polis baru di-Kampung Labi, dalam Daerah Belait.

Anggota polis dan alat2 kelengkapan itu akan di-tempatkan di-situ dalam masa kira2 dua bulan dari sekarang apabila balai polis itu di-rasmikan pembukaannya.

Sa-orang juruchakap polis berkata, anggota2 polis di-Labi akan bertanggung jawab sapenoh-nya terhadap keselamatan di-kawasan itu.

Mereka akan melaksanakan tanggung jawab ini dengan chara baik2 dan mesra dengan orang ramai dan akan berusaha memberi perkhidmatan kepada orang ramai dalam lain2 perkara.

Juruchakap itu berkata bahawa anggota2 pasokan polis sa-bagai kakitangan Kerajaan akan menggunakan kemudahan2 balai tersebut untuk memberikan pertolongan kepada orang ramai seperti memanggil segera bantuan perubatan dari Kuala Belait atau Bandar Brunei jika di-perlukan.

Balai polis itu akan di-lengkapkan dengan sistem perhubungan yang moden dan akan mempunyai pengangkutan2 darat dan laut.

Balai Bomba untuk Temburong

BANDAR BRUNEI — Sa-buah balai bomba kecil akan di-dirikan di-Pekan Bangar di-Daerah Temburong tidak berapa lama lagi untuk meluaskan perkhidmatan2 melawan kebakaran.

Pembinaan balai bomba itu ada-lah sa-imbang dengan dasar perkhidmatan bomba hendak membina balai2 serupa itu di-kawasan2 yang mempunyai bilangan penduduk2 yang besar di-seluruh negeri.

Penguasa Pengawasan Perkhidmatan Bomba, Awg. Lam Soo Man berkata, pembinaan balai bomba kecil itu akan selesai dalam masa 10 bulan dengan di-lengkapkan alat2 kelengkapan moden untuk melawan kebakaran.

Awang Lam menyatakan bahawa sa-buah balai bomba kecil telah juga di-ranchangkan bagi Daerah Tutong dan ia-nya telah pun di-kemukakan kepada tawaran.

Menyebut mengenai balai bomba kecil yang di-bina di-Pekan Muara, Awang Lam menyatakan bahawa pembinaan bangunan itu pada masa ini telah siap lebih dari sa-paroh dan perkhidmatan bomba di-situ akan di-laksanakan dalam

jangka waktu yang tidak lama lagi.

Kata-nya, kakitangan2 untuk mengendalikan balai bomba di-Muara itu telah pun di-lantik dan mereka sedang menjalani latihan2.

Baru2 ini, jabatan Perkhidmatan Bomba telah melantik 18 orang kakitangan yang baru untuk memenohi jawatan2 kosong.

Mereka sekarang di-tempatkan di-Ibu Pejabat Pasokan Bomba di-Bandar Brunei untuk menjalani latihan sa-lama enam bulan.

Menyebut mengenai kejadian2 kebakaran, Awang Lam mengingatkan orang ramai supaya jangan bermain2 dengan api.

Beliau menggesa pekebun2 kecil supaya memberi tahu Jabatan Perkhidmatan Bomba terlebih dahulu apabila mereka membakar belukar atau lalang dalam kawasan kebun2 kecil mereka.

Awang Lam menyatakan, kakitangan-nya bersedia untuk memberikan nasehat2 yang diperlukan dan berjaga2 untuk mengawal atau memadamkan api jika api tersebut tidak lagi terkawal.

Kempen menchegeh penyakit Kolera

BANDAR BRUNEI. — Kempen Perubatan dan Kesihatan untuk menyuntik orang ramai guna menchegeh penyakit Kolera akan di-perluaskan ka-Daerah Tutong pada bulan hadapan.

Kerja2 menyuntik di-Daerah Brunei dan Muara akan berakhir pada awal bulan Jun, apabila lebih dari 100 buah kampung dan sekolah akan dilawati untuk menjalankan kerja2 menyuntik.

Di-Daerah Tutong, kerja2 menyuntik akan di-mulakan pada 8 haribulan Jun dengan di-adakan lawatan ka-enam buah kampung dan sekolah.

Kempen menyuntik di-Tutong di-jadualkan berakhir pada 20 Julai. Langkah menyuntik ini merupakan langkah berjaga2 untuk memelihara kesihatan orang ramai.

Pihak Jabatan Perubatan dan Kesihatan berharap akan dapat menyuntik kira2 15,000 orang di-daerah itu, dalam usaha menchegeh merebak-nya penyakit Kolera.

Gunakan-lah

Bahasa

Melayu

Bahasa

Perpaduan

Kebangsaan



Balai Bomba Muara.



Gambar atas, pelawat2 di-beri peluang untuk menyaksikan keadaan kereta perisai.



Dalam permainan tattoo, penuntun2 kagum melihat bagaimana perajurit2 tanah ayer memberi bantuan dharurat kepada sa-buah kampung yang di-serang oleh sa-kumpulan orang2 jahat.



Gambar ini menunjukkan bagaimana suasana sambutan hari ulang tahun ke-enam penubohan AMDB. Kiri: Lapangan

8,000 saksikan sambutan hari penubohan Askar Melayu Di-Raja Brunei

Undangan yang di-buat oleh Pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei kepada orang ramai supaya menyaksikan temasha menyambut ulang tahun yang ke-6 pasukan itu, 31 Mei yang lalu telah mendapat sambutan hangat dari orang ramai yang paling ramai dalam mana2 temasha yang pernah di-lihat di-negeri ini.

Orang ramai di-taksirkan berjumlah kira2 8,000 orang telah hadir menyaksikan temasha itu. Mereka telah dudok di-semua kerusi di-bahagian pentas yang di-sediakan dan membanjiri ka-jalan2 dan tepi2 jalan tanah lapang perbarisan itu.

Yang lain-nya telah berpu2 menchari tempat2 yang lebih baik untuk melihat dengan lebih jelas pertunjukan2 dan perbarisan2 di-padang perbarisan itu.

Di-antara penuntun2 yang menyaksikan temasha itu ialah Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun, Tuan Yang Terutama, Pesuruh-jaya Tinggi British, Awg F. D. Webber dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara.

Achara2 pertayaan itu mengandongi tujoh pertunjukan yang

penting dari pertunjukan perbarisan tanpa perentah hingga kepada perbarisan tentera oleh pasukan Askar Melayu Di-Raja.

Orang ramai sangat2 suka menaiki pesawat helikopter, dan di-sebabkan oleh banyaknya orang2 yang ingin hendak menaiki helikopter, maka ramai dari orang ramai tidak dapat menaiki-nya.

Orang ramai juga di-beri peluang untuk menyaksikan kelengkapan2 yang di-gunakan oleh pasukan itu dan mereka telah di-beri penjelasan2 oleh perajurit2 yang bertugas tentang kegunaan tiap2 kelengkapan termasuk senjata2.



Orang ramai di-beri penerangan2 bagaimana menggunakan senjata2 ringan dan ketika mana senjata2 itu di-gunakan.



Sa-orang perajurit sedang memberi penerangan bagaimana menggunakan perkakas2 keselamatan di-ayer ketika menghadapi keemasan.



Di-tempat latehan memanjat paling ramai di-kunjongi oleh kanak2 sambil menchuba kebolehan masing2.



Tiga buah pesawat helikopter AMDB sedang menunjukkan penerbangan-nyz.



an menyimpan kereta dekat bangunan Ibu Pejabat AMDB di-penuhi oleh kereta2 penuntun2 sa-hingga ka-tepi2 jalan.

Dua rekod baru di-chipta dalam sokan Negeri Brunei

SERIA. — Perlawanan Sokan Tahunan Negeri Brunei kali yang ke-14 telah di-langsungkan di-Gelanggang Sokan Setia pada 21 Mei yang lalu.

Dalam perlawanan itu sebanyak dua rekod baru telah di-chipta, satu rekod dalam bahagian perempuan dan satu dalam bahagian lelaki dan satu rekod yang sama.

Rekod pertama telah dipecahkan oleh Lim Geok Kheng, dalam perlumbaan jarak dekat 100 meter bahagian perempuan dengan mencatat masa 13.7 sa'at. Dia telah dapat mengatasi rekod yang telah di-buat oleh Doreen Hiew dalam tahun 1964 dengan 0.1 sa'at.

Dalam bahagian lelaki pula Abd. Hamid Momin telah memecahkan rekod lari 400 meter dengan masa-nya 53 sa'at. Dia telah memecahkan rekod 1964 yang telah di-buat oleh David Chelliah dengan 0.2 sa'at.

Dalam perlumbaan lompat pagar 110 meter, Rani Metasan telah dapat mempertahankan rekod yang telah di-buatnya dalam tahun lalu dengan masa 16.1 sa'at.

Sa-banyak 17 acara dalam bahagian lelaki dan 11 acara bagi perempuan telah di-pertandingkan pada petang itu dan sa-ramai 100 orang peserta telah mengambil bahagian.

Perlawanan itu telah di-buka dengan rasmi-nya oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail selaku Pengerusi Persatuan Sokan Amateur Negeri Brunei.



Gambar atas menunjukkan Timbalan Pesuruhjaya Pulis Di-Raja Brunei Pengiran Dato Pahlawan Jaya sedang menyampaikan perisai kemenangan Johan kumpulan perempuan kepada Dk. Sa'adiyah binte Pengiran Tuah dari Sekolah Melayu Lambak, Berakas.

HOKEY: PULIS BRUNEI DAN PULIS SARAWAK SERI

BANDAR BRUNEI. — Pasokan hokey Pulis Di-Raja Brunei telah seri empat gol dengan Pulis Sarawak dalam satu perlawanan sa-chara persahabatan yang telah berlangsung di-Padang Besar Bandar Brunei pada 29 Mei yang lalu.

Dalam sa-paroh masa yang pertama kedua2 pasukan telah berjaya menjaringkan dua gol bagi pasukan masing2.

A.S.P. Awang Zainuddin

Marsal telah menjaringkan dua gol bagi pasukan Brunei, manakala Inspektor Thani dan Inspektor Martin masing2 menjaringkan satu gol.

Bagi pasukan Sarawak pula, Inspektor Wahid telah menjaringkan tiga gol dan Philip Chia satu gol.

Antara orang2 yang menyaksikan perlawanan itu termasuklah Pesuruhjaya Pulis, Awang J. R. H. Burns.

Rentas Desa sekolah2 rendah

BANDAR BRUNEI. — Perlumbaan rentas desa bagi Sekolah2 Rendah Melayu Seluruh negeri telah di-langsungkan di-padang S.M.J.A. pada 26 Mei yang lalu.

Dalam perlumbaan itu sa-ramai 168 orang peserta termasuk 57 orang perempuan dari 17 buah sekolah telah mengambil bahagian.

Dalam perlumbaan itu, Awg. Sindai bin O.K.S. Kana dari Sekolah Melayu Melilas telah berjaya menjadi johan persa-orangan dalam bahagian Lelaki "A".

Awang Ramantan bin Sigam dari Sekolah Melayu Sukang telah menjadi johan dalam Bahagian "B", sementara dalam bahagian perempuan pula, Dayangku Saadiyah binte Pgn. Tuah dari Sekolah Melayu Lambak telah menjadi johan.

Dalam bahagian berpasukan Sekolah Melayu Amar Pahlawan telah menjadi johan bahagian Lelaki "A", dan johan bahagian "B" telah dimenangi oleh Sekolah Melayu Lumapas. Sekolah Melayu Lambak telah menjadi johan dalam bahagian Perempuan.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Timbalan Pesuruhjaya Pulis Di-Raja Brunei, Pengiran Dato Pahlawan Jaya bin Pgn. Haji Rajid.

Pengambilan orang2 baru bagi perkidmatan Pulis

Di-Raja Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Pulis Di-Raja sedang mendapatkan orang2 baru bagi menambahkan kekuatan pasukan itu.

Pemuda2 yang ingin hendak berkhidmat dengan pasukan pulis boleh-lah memohon untuk menjadi anggota pasukan itu sa-belum akhir bulan ini.

Sa-orang juruchakap pulis

jasmani mereka.

Sa-belum di-hantar ka-Malaysia Barat kerana mendapatkan latehan, rekrut2 itu akan menjalani satu latehan permulaan di-ibu pejabat pulis di-Bandar Brunei.

Sementara itu, tiga orang inspektor telah berlepas ka-Kuala Kubu Bahru untuk memasuki sekolah latehan pegawai2 di-situ.

Mereka itu Thani b. Abdul Hamid, Ismail bin Zainal dan Han Foo Kwang akan berada di-Kuala Kubu Bahru sa-lama 12 minggu untuk mempelajari kerja2 menchegeh jenayah dan peraturan2 mahkamah.

berkata bahawa 100 orang rekrut ada-lah di-kehendakki menjelang bulan Ogos tahun ini. Mereka akan di-hantar berlateh di-pusat latehan pulis Malaysia di-Kuala Lumpur sa-lama sembilan bulan.

Juruchakap itu menyatakan, sa-takat ini 80 pemohon telah di-pilih dari sa-jumlah 150 pemohon tetapi lantekan mereka ka-dalam pasukan pulis ada-lah bergantung kepada keputusan doktor mengenai kelayakan

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 7 Jun, 1967 hingga ka-hari Selasa 13 June, 1967 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
7 Jun		12-25	3-45	3-36	7-48	4-37	4-52	6-06
8 Jun		12-25	3-45	3-36	7-48	4-37	4-52	6-06
9 Jun		12-25	3-45	3-36	7-48	4-37	4-52	6-06
10 Jun		12-25	3-45	3-36	7-48	4-37	4-52	6-06
11 Jun		12-26	3-46	3-37	7-49	4-37	4-52	6-07
12 Jun		12-26	3-46	3-37	7-49	4-37	4-52	6-07
13 Jun		12-26	3-46	3-37	7-49	4-37	4-52	6-07

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Sokan tiga wilayah Borneo

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan sokan tahunan antara tiga wilayah Borneo, ia-itu Brunei, Sarawak dan Sabah yang ke-13 akan di-langsungkan di-Gelanggang Sokan Setia pada 14 dan 15 Julai yang akan datang.

Dalam perlawanan itu nanti ahli2 sokan dari tiga buah negeri itu akan bertanding untuk merebut kejohanan Sokan Borneo.

Perlawanan Sokan Borneo tahun lalu telah di-langsungkan di-Jesselton dan dalam perlawanan itu negeri Sabah telah menjadi johan dalam kedua2 bahagian lelaki dan perempuan.

Sementara itu sa-orang juruchakap bagi Persatuan Sokan Amateur Brunei berkata, ahli2 sokan Brunei sekarang sedang giat berlateh untuk persediaan perlawanan itu.

204 orang terima sijil2 pelajaran dewasa

BANDAR BRUNEI. — Dua ratus empat orang wanita telah hadir di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah di-Bandar Brunei hari Sabtu lepas untuk menerima sijil2 kerana belajar di-kelas2 pelajaran dewasa pada tahun lalu.

Empat dari wanita2 itu dari kaum China.

Wanita2 tersebut ada-lah diantara 731 orang penuntut lelaki dan perempuan yang telah berjaya dalam peperiksaan.

Yang Amat Mulia Pengiran anak Siti Rafeah telah menyampaikan sijil2 itu kepada mereka yang berjaya.

Pengelola Pelajaran Dewasa Melayu, Awang Umar bin Mohammad berkata, Jebatan Pelajaran telah menganjorkan kelas2 pelajaran dewasa diseluruh negeri sejak dari tahun 1958.

Untuk menyedarkan ra'ayat peri mustahak-nya pelajaran, maka kerajaan telah tidak membiarkan pelajaran bagi

orang2 tua yang mana di-sebabkan sa-suatu hal telah tidak dapat pergi ka-sekolah ketika mereka maseh muda.

Awang Umar berkata, tujuan pokok dari ranchangan pelajaran dewasa ia-lah untuk mengajar orang2 yang buta huruf membaca, menulis dan membuat kira2 yang mudah.

Akan tetapi, kemudahan2 ada-lah di-adakan bagi mereka yang berkebolehan untuk belajar lain2 mata pelajaran seperti asohan rumah tangga, trengkas, menaip, ilmu2 menyimpan buku kira2 dan bahasa.

Sa-tengah2 dari penuntut2 dewasa itu, kata Awg. Umar telah maju ka-peringkat Pelajaran Sijil Rendah dan ramai dari orang2 bukan Melayu sedang belajar di-darjah2 tinggi bahasa Melayu.

Awang Umar merayu kepada orang ramai supaya mengambil faedah dari peluang2 yang diberikan oleh ranchangan pelajaran dewasa.

Beliau telah memuji pertubuhan2 sukarela, seperti Perkumpulan Perempuan dan pergerakan2 belia kerana membantu Jabatan Pelajaran untuk menganjorkan kelas2 dewasa bagi anggota2 mereka.

Sementara itu, Yang Dipertua Perkumpulan Perempuan negeri Brunei Dayang Rogayah binte Abdul Rahman berkata semalam, kira2 700 orang anggota menghadhiri kelas2 pelajaran dewasa yang di-anjorkan oleh perkumpulan itu.

Beliau berkata demikian sebagai menjelaskan lagi satu kenyataan yang di-buat oleh

Pengelola Pelajaran Dewasa Melayu, memuji perkumpulan tersebut kerana kerjasama-nya dalam memajukan pelajaran dewasa di-negeri ini.

Dayang Rogayah berkata, kelas2 dewasa dari berbagai2 jenis sedang di-adakan di-Bandar2 utama negeri ini, terutama di-Bandar Brunei dan Seria.

Sa-tengah2 anggota perkumpulan itu memasoki kelas2 mengajar ugama, pengajian Al-Koran, asohan rumah tangga, bahasa Inggeris dan Melayu. Lain2 kelas pelajaran dewasa mengajar membaca, menulis dan membuat kira2 yang mudah.

Perkumpulan Perempuan Brunei telah di-tubuhkan di-negeri ini dalam tahun 1961.

Ia-nya mempunyai sa-ramai 800 orang anggota di-buku daftar-nya, kebanggaan-nya wanita2 Melayu dan China. Beberapa orang wanita Eropah turut juga menjadi anggota.



Gambar atas, Dayang Yap Jin Tee sedang menerima sijil kejayaan-nya dalam bahagian pelajaran rendah peringkat permulaan dari Yang Amat Mulia, Pengiran Anak Siti Rafeah.

JAWATAN KOSONG:

BILIP TANAH

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada Pegawai2 Kependawa bagi memenohi jawatan rajaon yang berjawatan tetap untuk memenohi jawatan kosong sa-bagai Bilip Tanah di-Pejabat Daerah, Temburong.

Pemohon2 mesti-lah ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-demikian.

Gaji: Dalam sukatan gaji D. 1 - 2 - 3 EB 4 - \$210x10 - 270x15 - 360x20 - 480/EB/500x20 - 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Kelayakan2: Hanya mereka yang mempunyai kelayakan2 yang tersebut di-bawah ini dikehendaki memohon: —

Lulus Darjah VII Sekolah Melayu dan berkelulusan Ilmu Hisab bahagian rendah. Mempunyai pengalaman selama sekurang2-nya 3 tahun berkenaan dengan kerja2 tanah, ada-lah di-utamakan untuk di-pertimbangkan.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan. Brunei, tidak lewat daripada 20 Jun, 1967.

Pekedai2 di-seru jaga kebersehan

BANDAR BRUNEI. —Dewan Perniagaan China Bandar Brunei telah menggesa pekedai2 yang menjadi anggota2 dewan itu supaya menjaga kebersehan di-kawasan Bandar Brunei.

Ini ada-lah sa-imbang dengan satu perintah tetap yang diterbitkan oleh pehak berkuasa majlis bandaran Bandar Brunei mengenai kerja2 membuang sampah sarap di-ibu negara ini.

Pengerusi Dewan Perniagaan China, Awang Ong Kim Kee berkata bahawa anggota2 dewan-nya sedang bekerja dengan pehak berkuasa majlis bandaran dalam usaha untuk menjadikan Bandar Brunei bersehan dan kemas.

Beliau menyatakan, pekedai2 tidak lagi menimbunkan barang2 dan tong2 kayu di-kaki2 lima dan sampah sarap dan lain2 barang yang hendak di-buang ada-lah di-buang dengan berhatih2 ka-dalam tong2 sampah yang bertutup kerana tujuan2 ini.

Ahli2 peladang Brunei melawat Malaysia Barat

BERAKAS. — Sa-kumpulan 15 orang peladang Brunei, hari Ahad lepas telah berangkat dengan kapal terbang menuju ka-Malaysia Barat.

Mereka mengandongi lima dari daerah Tutong, termasuk dua perempuan; lima dari daerah Temburong; dua dari daerah Belait dan sa-orang dari daerah Brunei.

Rombongan ini akan berada di-Malaysia Barat sa-lama 17 hari, kerana melawat beberapa buah pusat dan sekolah pertanian, supaya dapat memerhati chara2 pertanian moden yang

di-jalankan di-persekutuan itu.

Di-antara tempat2 yang akan di-lawati, termasuk-lah maktab perikanan di-Glucor, Pulau Pinang; Pusat Penyelidik Padi di-Bumbong Lima, Butterworth; Maktab Pertanian di-Serdang dan Ranchangan FLDA Labu.

Rombongan itu di-ketuai o'eh Awang Ahmad bin Haji Ismail, Penolong Kanan Pegawai Pertanian daerah Belait dan Awang Abdullah bin Haji Halus, Penolong Rendah Pegawai Pertanian Brunei, sa-

bagai pembantu ketua rombongan.

Penolong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pgn. Damit b. Pgn. Sungguh dalam satu ucapan-nya kepada peladang2 pada hari Sabtu yang lalu memberitahu mereka, bahawa ini-ada-lah kumpulan ka-dua untuk melawat Malaysia Barat.

Pgn. Damit berkata, jabatan pertanian telah menganjorkan kunjongan itu, bagi membolehkan peladang2 negeri ini melihat dengan sendiri chara2 peladang Malaysia Barat menggunakan pertanian moden.

Sambutan hari Keputeraan Baginda Queen

BANDAR BRUNEI — Hari Keputeraan Baginda Queen akan di-rayakan di-Brunei pada 10 Jun ini sa-bagai hari kelepasan umom di-seluruh negeri.

Salah satu achara dalam perayaan2 itu ia-lah upacara perbarisan di-sabelah pagi yang akan di-langsungkan di-Padang Besar Bandar Brunei, di-hadapan bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan.

Beberapa pasokan2 tentera Komonwel, Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei dan Pulis Di-Raja Brunei akan mengambil bahagian.

Beberapa kumpulan dari kakitangan2 perkhidmatan awam yang memakai pakaian seragam, seperti Jabatan Laut, Kastam dan Pasokan Bomba akan turut mengambil bahagian bersama2 dengan pertubuhan2 sukarela, seperti pasokan Palang Merah, Pengakap, dan Pandu Puteri.

Satu surat keliling dari Pejabat Setiausaha Kerajaan menjemput ahli2 yang berhormat dari majlis2 mashuarat, isteri2 mereka, ketua2 jabatan dan pegawai2 perkhidmatan pertadbiran Brunei serta isteri2 mereka, cheteria2, anak raja2 menteri2, penghulu2 dan ketua2 kampung supaya menyaksikan upacara perbarisan itu.

Tempat2 duduk akan juga di-sediakan bagi ketua2 shariat perniagaan dan pemimpin2 kaum.

Pesuruhjaya Tinggi British, Yang Terutama Awang F. D. Webber dan Puan Webber akan merayakan hari keputeraan Baginda Queen dengan satu majlis terbuka di-halaman tempat kediaman Pesuruhjaya Tinggi di-Bandar Brunei.

Orang ramai ada-lah di-jemput ka-majlis tersebut untuk menikmati minuman sambil menyatakan uchap selamat bagi kesihatan dan kesejahteraan Baginda Queen.

Bangunan Setor lima sa-tengah juta ringgit siap tahun depan

BANDAR BRUNEI. — Rancangan Kerajaan hendak menyimpan bahan2 makanan yang mustahak akan dapat di-laksanakan dengan sa-penoh-nya apabila sa-buah setor kerana tujuan itu siap di-bena di-Jalan Gadong dekat Bandar Brunei.

Kerja2 membena setor itu telah pun di-mulakan dan di-jangka siap menjelang pertengahan tahun depan.

Setor itu akan di-penohkan dengan beras, gula, garam dan lain2 barang keperluan.

Penguasa Pengawasan Setor Kerajaan, Awang Anthony Newn berkata tujuan-nya ia-lah untuk menyimpan bahan2 makanan yang mustahak yang akan dapat mencukupi keperluan makanan penduduk2 negeri ini sa-lama sa-tahun dalam masa dharurat.

Brunei mengimpot beras sa-chara langsung dari Thailand dan beras yang mengchukupi mesti-lah berada dalam simpanan Kerajaan sa-bagai persediaan tentang kemungkinan berlakunya kelambatan pengirimannya beras dari Bangkok ka-negeri ini.

Awang Newn berkata, penyimpanan bahan2 makanan ada-lah sangat2 mustahak kerana Brunei mengeluarkan sa-

dikit benar beras, dan tidak mengeluarkan langsung gula, garam atau susu.

Impot beras yang merupakan makanan sa-hari2 telah bertambah lebeh daripada 6,000 tan lima tahun lalu kapada 8,000 tan sa-tahun pada masa ini untuk memenohi penduduk2 yang semakin bertambah.

Ini merupakan 80% dari keperluan beras bagi negeri ini, sementara baki 20% itu di-hasilkan oleh penanam2 padi tempatan.

Awang Newn menambahkan, setor itu termasuk-lah pejabat2 bagi Penguasa Pengawasan serta kakitangan2-nya.

Ada-lah di-taksirkan bahawa setor tersebut akan menelan belanja pembenaan sa-banyak kira2 lima sa-tengah juta ringgit.

UNTOK MAJU PERPADUAN MESTI UJUD

ADA-LAH menjadi hakikat yang tidak boleh di-nafikan lagi bahawa untok kemajuan sa-buah negara yang di-dalam-nya berlingkang ra'ayat berbilang kaum, maka perpaduan mengambil peranan yang terpenting sa-kali.

Walau bagaimana kuat-nya chita2 untok kemajuan dalam bidang apa sa-kali pun, namun ia-nya tidak akan dapat berjalan dengan lancar sa-kira-nya satu2 kaum atau puak itu menganggap diri mereka terasing dari bangsa2 yang lain, malahan ikatan rantai kerugian dan kemunduran sukar hendak di-lepaskan.

Pesuruhjaya Kebajikan, Awg. Salleh bin Haji Masri minggu lalu telah menyuarakan seruan kapada orang2 Iban yang bermastautin di-negeri Brunei supaya jangan menganggap diri mereka itu terasing dari puak2 yang lain seperti Melayu, China, Dusun, Murut dan lain2-nya.

Awang Salleh menjelaskan bahawa sa-bagai ra'ayat yang berlingkang di-bawah panji2 Brunei Darus Salam, maka tidak sah-nya timbul fahaman2 berpuak2, tetapi hendak-lah di-tanamkan fahaman bahawa kita hidup sa-bagai ra'ayat Brunei.

Segala rancangan2 untok kemajuan yang di-buat oleh Kerajaan ada-lah semua-nya untok ra'ayat negeri ini dan memang tidak kena kalau rancangan2 kemajuan itu hanya untok satu2 puak sahaja.

Memikirkan hal ini, Kerajaan melahirkan rancangan demi rancangan yang sa-mata2 untok kebahagiaan hidup ra'ayat dan bantuan di-keluarkan kapada ra'ayat sa-hingga isteri2 orang2 tahanan kerana peristewa 1962 dulu pun di-beri bantuan makanan, susu anak2 dan masa ini bantuan wang pula. Dengan tidak mengira bangsa, puak atau kaum, orang2 yang lanjut usianya di-beri penchen dan bantuan2 di-beri juga kapada orang2 yang chachat anggota, pengidap penyakit kusta, lumpuh dan berbagai2 bantuan lagi.

Tidak harus timbul bahawa satu2 kaum atau puak itu terasing dari segala rancangan2 yang di-jalankan, malah sa-bagai ra'ayat mereka harus pula mendukung rancangan2 tersebut dan paling utama mereka hendak-lah menguasai diri supaya tidak di-makan oleh kebuaan2 anasir2 yang ingin memecah-belahkan sa-sama mereka sa-bagai ra'ayat.

Anasir2 perkauman: orang2 Iban di-seru menentang-nya

(Dari muka 1)

dari "hantu2" yang suka memecah-belahkan perpaduan ra'ayat.

Menyentuh mengenai kemerdekaan Brunei, Awg. Salleh menegaskan bahawa tidak siapa pun yang boleh menyangkal yang Brunei pasti hidup sa-bagai sa-buah negara yang merdeka.

"Untok mengujudkan kemerdekaan itu kita harus mempunyai kekuatan2 yang di-perlukan oleh sa-buah negara yang merdeka, kerana kita mau merdeka untok melangkah ka-hadapan dan bukan sa-makin surut ka-belakang", tegas Awg. Salleh.

Beliau menegaskan bahawa dari faktor2 ini-lah seluruh ra'ayat harus ada persediaan2 dan melengkapkan diri mereka untok hidup dalam ulitan asam garam kemerdekaan itu.

Turut memberikan ucapan di-majlis itu ia-lah Pegawai Daerah Temburong, Awang Johari bin Abdul Razak yang juga menyeru orang2 Iban supaya jangan mensifatkan mereka itu terasing dari penduduk2 lain di-negeri ini.

Sa-bagai ra'ayat, kata-nya orang2 Iban harus memberikan kerjasama yang erat pada mendukung rancangan2 kemajuan negara yang mereka juga tidak terasing dari menikmati-nya nanti.

Menyentuh seruan2 itu, orang2 Iban di-Ulu Temburong dengan menerusi sa-orang wakil mereka telah menyatakan ikrar ta'at setia dan akan sentiasa memberikan kerjasama bagi kemajuan dan keamanan negeri ini.

Mereka amat berterima kasih kapada kerajaan atas bantuan dan kemudahan2 yang telah mereka nikmati hingga masa ini.

Hari kebesaran orang2 Iban itu telah di-ra'ikan di-tiga buah kampung di-Ulu Temburong ia-itu Amo, Sibut dan Biang.

Turut hadir di-majlis2 itu ia-lah Penyelenggara Muzium Brunei Pengiran Sharifuddin bin Pengiran Metali.

Sa-orang di-sahkan mengidap penyakit kerongkong

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan Dr. I. G. Singh mengumomkan semalam bahawa pehak perubatan telah mengesahkan bahawa sa-orang sakit yang di-bawa ka-rumah sakit besar dari Kampung Junjongan telah mengidap penya-

kit kerongkong.

Empat lagi orang sakit dari kampung itu juga di-shakki mengidap penyakit kerongkong.

Dr. Singh berkata penyakit kerongkong boleh membawa maut kapada kanak2 jika kanak2 yang sakit itu tidak segera di-berikan rawatan.

Beliau menggesa mereka yang maseh belum menerima suntikan menegah penyakit kerongkong supaya datang ka-rumah sakit untok mendapatkan suntikan dan mereka yang telah di-suntik supaya datang juga untok mendapatkan suntikan tambahan.